

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

PENYUNTINGAN

*Petikan di bawah mengandungi **13 kesalahan bahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada 13 kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Siswazah harus menjadi ejen perubahan pada masyarakat dengan memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sosio ekonomi negaranya. Namun, ruang kerja bagi siswazah sastera, bahasa, sains sosial dan pendidikan tidak sahaja terhad dan penuh dengan saingan yang hebat. Keadaan itu menjadi semakin buruk dengan bilangan lepas universiti dan siswazah yang semakin bertambah daripada setahun ke tahun. Oleh itu, siswazah perlu bersedia dengan berbagai kemahiran untuk berhadapan dengan cabaran.

- | | |
|--------------------|------------------------|
| 1. ejen - | 9. hebat - |
| 2. pada - | 10. lepas - |
| 3. memberi - | 11. daripada - |
| 4. sosio ekonomi - | 12. setahun ke tahun - |
| 5. kerja - | 13. berbagai |
| 6. tidak - | |
| 7. dan - | |

BAHASA MELAYU STANDARD

*Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu Standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahawat dan Keris Kertala Sari. Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh. Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu. Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat." Maka segala mereka pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.

Seketika lagi maka Laksamana pun datang membawa syahawat dan Keris Kertala Sari	
Maka sembah Bendahara, "Inilah, tuanku pertandaan yang sungguh	
Pada bicara patik, jika lain daripada Laksamana, tiada akan dapat membunuh penjurit itu	

Janganlah membunuh dia, menentang matanya pun tiada dapat.”	
Maka segala mereka pun masing-masing tunduk kemalu-maluan, lalu kembali.	

PERIBAHASA

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Senaraikan **empat** peribahasa yang terdapat dalam petikan.*

Peribahasa bagai itik mendapat air bermaksud kegembiraan yang amat sangat kerana beroleh sesuatu yang disukai. Berdasarkan peribahasa tersebut, dapat dibayangkan betapa gembiranya itik tatkala berenang di dalam air. Begitulah juga dengan manusia. Bezanya, tidak pernah lagi kita temukan insiden itik lemas. Oleh itu, sentiasalah berawas kerana kalau tidak berada-ada masakan tempua bersarang rendah, dan kalau tiada angin bertiup, masakan pokok bergoyang. Ambil langkah berjaga-jaga kerana peribahasa ada menggambarkan bahawa air tenang jangan disangka tiada buaya.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.